



KEJOHANAN BOLA KERANJANG MAJLIS SUKAN SEKOLAH-SEKOLAH PERAK PERATURAN AM KEJOHANAN

1. *Undang-Undang Permainan*

Kejohanan ini akan dimainkan mengikut Undang-Undang Persatuan Bola Keranjang Antarabangsa (FIBA) **2020** dan Peraturan-Peraturan Am MSSM. Sekiranya berlaku masalah penafsirannya, undang-undang dalam Bahasa Inggeris akan dipatuhi.

2. *Jenis Pertandingan*

2.1 Pertandingan berpasukan antara MSS Daerah.

2.2 Kategori :

2.2.1 Lelaki 18 tahun dan ke bawah.

2.2.2 Perempuan 18 tahun dan ke bawah.

2.2.3 Lelaki 12 tahun dan ke bawah.

2.2.4 Perempuan 12 tahun dan ke bawah.

2.3 Atlet adalah terdiri dari atlet pilihan daerah masing-masing.

2.4 Setiap daerah boleh menghantar 1 pasukan sahaja untuk setiap kategori.

3. *Had Umur Peserta*

3.1 Kiraan umur adalah pada **01hb. Januari pada tahun pertandingan**. Ini bermakna :

3.1.1 Bawah 18 tahun terdiri daripada atlet yang lahir pada atau selepas **01.01.2006**.

3.1.2 Bawah 12 tahun terdiri daripada atlet yang lahir pada atau selepas **01.01.2012**.

3.2 Semua pertandingan dalam kumpulan umur 12 tahun dan ke bawah dihadkan kepada atlet dari sekolah rendah sahaja.

3.3 Pelajar Tingkatan 6 yang sekolahnya adalah ahli gabungan serta membayar yuran MSSPK dibenarkan untuk mengambil bahagian dalam kejohanan ini dengan syarat umurnya **tidak melebihi 18 tahun. (*Surat tawaran kemasukan ke Tingkatan Enam Rendah dari Kementerian Pelajaran Malaysia wajib disahkan pendaftaran oleh Pengetua/Penolong Kanan sekolah berkenaan)**

3.4 *Pelajar-pelajar sekolah swasta lepasan Tingkatan Lima yang menyambung pelajaran **secara berterusan seperti Senior Middle Three, Sekolah Agama atau setaranya layak menyertai kejohanan ini dengan syarat umurnya tidak melebihi 18 tahun.**

4. *Pendaftaran Pemain/Pembentukan Pasukan*

- 4.1 Pengurus Pasukan hendaklah mendaftar pemain-pemain dengan menggunakan Borang MO1/RO1 bersama-sama Kad Pengenalan/Salinan Sijil Kelahiran/Mykid (yang disahkan oleh Guru Besar/Penolong Kanan sekolah peserta berkenaan) mereka semasa pendaftaran di Mesyuarat Pengurus Pasukan. Sebarang tambahan atau pertukaran para pemain selepas itu tidak diterima.
- 4.2 Semua Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Daerah layak mengambil bahagian dalam pertandingan ini.
- 4.3 Setiap daerah dibenarkan mendaftarkan 4 orang pegawai dan 10 atlet untuk setiap pasukan.
- 4.4 Pasukan perempuan diwajibkan mempunyai seorang Pengurus/Penolong Pengurus/Jurulatih/Penolong Jurulatih wanita.

5. *Sistem Pertandingan*

- 5.1 Pertandingan akan dijalankan secara liga dan kalah singkir.
 - 5.1.1 Sekiranya terdapat Sembilan (9) hingga Sebelas (11) pasukan bertanding, pasukan-pasukan ini akan dibahagikan kepada tiga (3) kumpulan A, B, dan C. Pertandingan akan dijalankan secara liga.
 - 5.1.2 Johan, Naib Johan, Tempat Ketiga dan Tempat Keempat dalam pertandingan tahun lepas akan ditempatkan dalam kumpulan seperti berikut :

Johan	-	Kumpulan A
Naib Johan	-	Kumpulan B
Ketiga & Keempat	-	Kumpulan C

Pasukan-pasukan lain akan ditempatkan dalam liga kumpulan tersebut secara cabutan undian.
 - 5.1.3 Sekiranya pasukan yang diutamakan (seeded) tidak mengambil bahagian pasukan terbaik berikutnya hendaklah dipertimbangkan.

Pusingan Kedua

- 5.1.4 Pemenang 1 dan Pemenang 2 setiap kumpulan akan ditempatkan ke Kumpulan X dan Kumpulan Y dengan mengadakan undian. Pertandingan dijalankan secara liga.
- 5.1.5 Undian akan dibuat selepas sahaja tamat pusingan pertama.

5.1.6 Dari tiga Pemenang 1, satu akan ditempatkan ke Kumpulan X dan dua akan ditempatkan dalam Kumpulan Y atau sebaliknya.

5.1.7 Pemenang 2 setiap kumpulan akan ditempatkan di kumpulan lain dari Pemenang kumpulannya.

Pusingan Akhir

5.1.10 Pasukan-pasukan yang menjadi Johan dalam kumpulan X dan kumpulan Y akan memasuki Perlawanan Akhir bagi menentukan Johan dan Naib Johan, sementara pasukan naib johan dalam kumpulan X dan kumpulan Y akan bermain untuk menentukan tempat ketiga dan keempat.

5.2 Sekiranya terdapat enam (6) hingga lapan (8) pasukan bertanding :

5.2.1 Liga Dua (2) Kumpulan A dan B.

5.2.2 Pusingan Pertama : Johan dan tempat Keempat dalam pertandingan tahun lepas akan ditempatkan dalam Kumpulan A, manakala Naib Johan dan tempat Ketiga akan ditempatkan di Kumpulan B.

5.2.3 Sekiranya pasukan yang diutamakan (seeded) tidak mengambil bahagian, maka pasukan terbaik berikutnya hendaklah dipertimbangkan.

5.2.4 Pusingan Kedua (Separuh Akhir)

Pemenang 1 Kumpulan A akan melawan Pemenang 2 Kumpulan B dan Pemenang 1 Kumpulan B akan melawan Pemenang 2 Kumpulan A. Pertandingan akan dijalankan secara kalah singkir.

5.2.5 Pusingan Akhir

Dua Pasukan Pemenang dalam 5.2.4 akan bertanding untuk Johan dan Naib Johan, manakala dua pasukan yang kalah dalam 5.2.4 akan bertanding untuk tempat Ketiga dan Keempat.

6. *Masa Bermain*

6.1 Kategori 12 tahun ke bawah (lelaki dan perempuan) dimainkan dalam empat (4) sukuan dan masa bermain setiap sukuan adalah 5 minit. Manakala bagi perlawanan akhir akan bermain 7 minit dalam empat (4) sukuan. Sistem 10 pemain dibahagikan sukuan 1 dan 2 **TIDAK DIAPLIKASIKAN** pada tahun ini.

6.2 Masa rehat antara sukuan 1 dan 2, 3 dan 4 ialah 1 minit, manakala 2 minit antara sukuan 2 dan 3.

6.3 Sekiranya seri setelah tamat sukuan 4, masa tambahan sebanyak 3 minit akan diberi dengan masa rehat 2 minit.

6.4 Masa terperinci adalah seperti berikut:

Kategori 12 tahun ke bawah (lelaki dan perempuan)									
Sukuan	Sukuan 1	R	Sukuan 2	R	Sukuan 3	R	Sukuan 4	R	Sukuan Tambahan
Pusingan 1 / Pusingan 2 / Tempat ke- 3/4	5 minit	1	5 minit	2	5 minit	1	5 minit	2	3 minit
Akhir	7 minit	1	7 minit	2	7 minit	1	7 minit	2	3 minit
Time-out	2				3 (hanya 2 time-out akan diberikan dalam 2 minit terakhir dalam sukuan 4)				1 (hanya 1 time-out akan diberikan dalam sukuan tambahan)

6.5 Kategori 18 tahun ke bawah (lelaki dan perempuan) dimainkan dalam empat (4) sukuan dan masa bermain setiap sukuan adalah 5 minit. Manakala bagi perlawanan akhir dan tempat ke-3/4 akan bermain 7 minit dalam empat (4) sukuan.

6.6 Masa rehat antara sukuan 1 dan 2, 3 dan 4 ialah 1 minit, manakala 2 minit antara sukuan 2 dan 3.

6.7 Sekiranya seri setelah tamat sukuan 4, masa tambahan sebanyak 3 minit akan diberi dengan masa rehat 2 minit.

6.8 Masa terperinci adalah seperti berikut:

Kategori 18 tahun ke bawah (lelaki dan perempuan)									
Sukuan	Sukuan 1	R	Sukuan 2	R	Sukuan 3	R	Sukuan 4	R	Sukuan Tambahan
Pusingan 1 dan Pusingan 2	5 minit	1	5 minit	2	5 minit	1	5 minit	2	3 minit
Akhir / Tempat ke- 3/4	7 minit	1	7 minit	2	7 minit	1	7 minit	2	3 minit
Time-out	2				3 (hanya 2 time-out akan diberikan dalam 2 minit terakhir dalam sukuan 4)				1 (hanya 1 time-out akan diberikan dalam sukuan tambahan)

7. *Cara Menentukan Keputusan*

7.1 Pertandingan dalam liga, mata berikut akan diberikan :

Menang - 2 mata
Kalah - 1 mata
Kalah tanpa bertanding - 0 mata

7.2 Jika dua atau lebih pasukan mendapat jumlah mata yang sama, maka pemenang akan ditentukan mengikut Undang-Undang Antarabangsa (FIBA) dibawah bahagian "Classification of Teams".

8. *Pakaian*

- 8.1 Setiap pasukan mestilah mempunyai 2 set jersi dengan satu set berwarna putih dan satu set lagi berwarna gelap.
 - 8.2 Untuk pertandingan, mana-mana pasukan yang disebut dahulu dalam Jadual Pertandingan dikehendaki memakai jersi berwarna putih sementara lawannya memakai jersi berwarna gelap.
 - 8.3 Jika kedua-dua pasukan memakai baju yang sama warnanya, pasukan yang memakai jersi yang salah hendaklah menukar jersinya bagi perlawanan itu.
9. *Gelanggang Permainan/Alatan*
- Rujuk Undang-Undang Bola Keranjang Antarabangsa (FIBA).
10. *Menarik Diri Dan Menyerah Kalah*
- 10.1 Sekiranya sesebuah pasukan menarik diri atau menyerah kalah dengan sengaja, maka semua keputusan yang dimainkan oleh pasukan itu akan dibatalkan dan pasukan itu tidak akan dibenarkan bermain permainan seterusnya.
 - 10.2 Laporan akan dihantar ke Jabatan Pelajaran Negeri Perak, Pejabat Pelajaran Daerah berkenaan untuk tindakan selanjutnya.
11. *Kelewatan*
- Hanya 10 minit sahaja diberi kepada pasukan lewat dan selepas itu pihak lawannya akan diberi kemenangan percuma dengan 2 mata dan skor bilangan mata perlawanan 20 – 0.
12. *Bantahan*
- 12.1 Sekiranya setelah tamat perlawanan pasukan itu ingin membuat bantahan, **ketua pasukan** hendaklah menulis perkataan '**INGIN BANTAH**' di dalam ruang catatan 'score sheet' serta menandatangani supaya bantahan dapat dipertimbangkan.
 - 12.2 Bantahan bertulis yang ditandatangani oleh **pengurus pasukan** yang berkenaan hendaklah dihantar kepada Setiausaha Pengelola atau wakilnya tidak lewat daripada **dua puluh (20) minit** selepas perlawanan tamat disertakan dengan bayaran sebanyak **RM 300.00 (Ringgit Malaysia Tiga Ratus)**. ***Wang tersebut tidak akan dikembalikan jika didapati bantahan tidak berjaya.***
 - 12.3 Juri Rayuan hendaklah mengadakan mesyuarat sejam selepas jawatankuasa pengelola pertandingan menerima bantahan berkenaan.
13. *Juri Rayuan*

Ahli Juri Rayuan adalah terdiri daripada :

- i. Pengerusi Pengelola atau wakilnya.
- ii. Setiausaha Jawatankuasa Pengelola – Ex-Officio.
- iii. Pengerusi Teknik dan Pembangunan Sukan Bola Keranjang MSSPK.
- iv. Tiga (3) orang Pengurus Pasukan MSS Daerah yang berdaftar dan tidak terlibat dengan bantahan.

14. *Lembaga Tatatertib*

Lembaga ini terdiri daripada :

- i. Pengarah Pelajaran Perak.
- ii. Ketua Sektor Pengurusan Pembangunan Manusia.
- iii. Setiausaha Agong MSSPK.
- iv. Pegawai Pelajaran Daerah (Pengerusi Pengelola).
- v. Pengerusi Teknik dan Pembangunan Sukan Bola Keranjang MSSPK.
- vi. Setiausaha Jawatankuasa Pengelola – Ex-Officio.

15. *Tindakan Tatatertib*

Pasukan yang dikenakan tindakan tatatertib akan dilaporkan kepada Pegawai Pelajaran Daerah yang berkenaan.

16. *Cara Pertahanan Untuk Bola Keranjang Sekolah Rendah*

16.1 Peraturan Bermain 'Man-to-Man'

Permainan Bola Keranjang sekolah rendah dimainkan dalam 4 waktu. Semasa permainan sedang berjalan mulai waktu pertama hingga waktu keempat (termasuk waktu tambahan) kedua-dua pasukan diwajibkan mengamalkan PERTAHANAN secara MAN-TO-MAN kawalan ketat. Pasukan dilarang bermain PERTAHANAN ZON.

5

Semasa pertahanan, seorang pemain dikehendaki sentiasa mengawal bola dan pemain lawannya mempraktikkan prinsip-prinsip pertahanan individu. Selepas pasukan penyerang sudah melintasi garisan tengah, pemain-pemain pasukan bertahan mesti mengawal rapi dengan jarak lebih kurang SATU METER terhadap pemain yang menguasai bola dan jarak lebih kurang 1.5 meter terhadap pemain tanpa bola.

16.2 Denda

16.2.1 Pasukan yang sengaja melanggar peraturan secara MAN-TO-MAN kawalan ketat akan diberi AMARAN pada kali pertama dan SATU FOUL TEKNIKAL akan diberi kepada Jurulatih pada setiap kali peraturan ini dilanggar semula.

16.2.2 Foul Teknikal ini tidak diambil kira dalam hitungan foul jurulatih dan pasukannya.

17. *Pemilihan dan Latihan Pusat Pasukan MSS Negeri Perak*

17.1 Satu Panel Pemilihan YANG DIPENGERUSIKAN OLEH PTPS Bola Keranjang MSS Perak akan ditubuhkan dan ahli-ahlinya adalah PTPS-PTPS Daerah dan Jurulatih-Jurulatih yang akan dilantik oleh Jawatankuasa PTPS MSS Negeri Perak.

17.2 Pemain berpotensi dan handal yang bermain dalam Kejohanan Bola Keranjang MSS Negeri Perak akan dipilih untuk mengikuti Pemilihan dan Latihan Pusat Fasa 1 dan seterusnya jika cemerlang akan dipilih mewakili MSS Perak.

17.3 Pemain projek MABA yang sedang menjalani latihan di MABA, pemain dari Sekolah Sukan Bukit Jalil dan pemain dari Sekolah Sukan Pahang juga akan dipilih untuk mewakili MSS Negeri Perak.

17.4 Latihan Pusat dan Pemilihan Fasa 1 akan dijalankan sebelum Kejohanan MSSM.

18. *Perubahan-Perubahan Peraturan FIBA Terkini*

(Sila rujuk buku peraturan "2020 OFFICIAL BASKETBALL RULES" yang berkuatkuasa pada 1 Oktober 2020)

As of October 1, 2020, the new edition of the FIBA Official Basketball Rules will come into force.

The main changes of the new FIBA Official Basketball Rules 2020 include:

- Definition of the player's "cylinder"
- Definition of the Double Foul
- Definition of an Unsportsmanlike Foul in fast-break situations
- Definition of Table Officials' duties (Scorer and Timer)
- Instant Replay System usage and reporting protocol
- Specifications of the FIBA approved basketball equipment

19. *Menarik Diri / Enggan Meneruskan Permainan / Menyerah Kalah*

Semua pasukan yang telah mendaftar untuk menyertai kejohanan ini adalah dilarang sama sekali dari menarik diri atau enggan meneruskan perlawanan atau menyerah kalah. Mana-mana pasukan yang berbuat demikian akan dikenakan tindakan selaras dengan Peraturan Am MSSPK (Perkara 11).

20. *Pentafsiran Undang-Undang dan Peraturan-Peraturan Kejohanan*

Jawatankuasa Pengelola mempunyai hak mentafsir segala perkara yang tidak disiarkan dalam undang-undang dan peraturan-peraturan kejohanan ini dan keputusannya adalah muktamad.

Jawatankuasa Teknikal,
Kejohanan Bola Keranjang Sekolah-Sekolah Perak 2023